



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
SENIOR DEPUTY SECRETARY GENERAL

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Fax : 03-8888 3834
Web : <http://www.jpm.gov.my>
Emel : jpm@jpm.gov.my

Rujukan Kami : KPKK (R) 600 – 2 Jld. 2 (4)

Tarikh : 27 Januari 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PERINGATAN BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDUNGI
KERAHSIAAN MAKLUMAT KERAJAAN DARIPADA ANCAMAN
KEBOCORAN**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berkaitan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penggunaan media sosial seperti *WhatsApp*, *facebook*, *twitter* dan *telegram* sebagai salah satu medium penyampaian dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan merupakan **kaedah yang tidak selamat serta bertentangan dengan peruntukan di perenggan 131, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)**. Ini kerana, dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan yang dihantar melalui media sosial tersebut sukar dikawal dan boleh menyebabkan berlakunya insiden kebocoran dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan sehingga menjejaskan imej serta memberi reputasi yang tidak baik kepada pentadbiran Kerajaan.

3. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperingatkan semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing – masing supaya sentiasa melindungi serta menjaga kerahsiaan dokumen dan maklumat rahsia rasmi dan **tidak menggunakan medium media sosial untuk menghantar dokumen atau maklumat rahsia rasmi Kerajaan**. Dalam hal ini, semua pegawai awam memainkan peranan penting untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan apabila mengendalikan dokumen rahsia rasmi Kerajaan pada setiap masa dan di mana jua lokasi.

4. **Ketua Jabatan juga bertanggungjawab untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana – mana pegawai awam di bawah seliaan** masing – masing yang cuai dan tidak mematuhi peraturan keselamatan ditetapkan sehingga mengakibatkan kebocoran maklumat Kerajaan berlaku melalui peruntukan peraturan dan undang – undang sedia ada. Sebarang kebocoran rahsia rasmi yang disampaikan melalui medium yang tidak selamat adalah menjadi tanggungan penghantar rahsia rasmi tersebut. Tindakan tatatertib boleh diambil jika siasatan mendapati berlakunya pelanggaran keselamatan.

5. Sehubungan dengan itu, sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan memerlukan penjelasan lanjut berkaitan perkara ini boleh menghubungi :

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, 1 & 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Pesekutuan
62502 PUTRAJAYA.
Tel : 03 – 8872 6038 / 6039
Faks : 03 – 8888 3258
Email : kictrr@cgso.gov.my


6. Kerjasama, perhatian dan tindakan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dalam usaha melindungi kerahsiaan maklumat Kerajaan yang merupakan tanggungjawab kita bersama.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD SALLEHUDDIN BIN HASSAN)

s.k.:

1. **YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali**
Ketua Setiausaha Negara
2. **YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
3. **YBhg. Datuk Dr. Marzuki bin Mohamad**
Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri
4. **YBrs. Khairul Anwar bin Haji Zakaria**
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

